KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **13 Mac 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 13

# Weeding out weevils in rice

## Rigorous checks will ensure there is no infestation of the insect

By ZAKIAH KOYA
zakiah@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Stringent checks will be carried out to ensure that rice sold in the market is free from weevil infestation, says Agriculture and Food Security Ministry deputy secretary-general Datuk Badrul Hisham Mohd.

He said rice millers and packers are required to conduct routine clean-ups every three months to prevent infestation.

"Weevils often go unnoticed in sealed rice bags as they exist in egg form.

"Once the bag is opened, the eggs hatch, leading to complaints from consumers who purchased the rice packs," he said.

Badrul Hisham, who is the padi and rice regulatory director-general, said retailers and wholesalers must ensure fumigation and polishing are done to eliminate weevil eggs.

Although authorities cannot regulate how long rice is kept in stores, officers will monitor how much rice is kept at any given location.

Warehouse inspections are carried out by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, while retail rice bags are checked by the ministry's enforcement division to ensure quality is maintained.



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (*pic*) called on rice industry players to ensure that the rice sold is of top quality and free from weevils.

This includes regular fumigation, polishing, and repacking to maintain standards, following numerous consumer complaints about weevils in newly-purchased rice.

He said recent inspections at hypermarkets in the Klang Valley found that consumers are more attentive when they buy rice packs in checking for signs of infestation.

He added that: "Hoarding is a serious offence that disrupts the market and can lead to artificial shortages and price increases.

"In some cases, hoarding contributes to the circulation of lower-quality rice if storage conditions are inadequate.

"We take firm action against hoarding under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

"This Act provides us with the power to investigate and seize hoarded rice and impose hefty penalties on those found guilty, including fines and imprisonment."

Armizan also called on consumers to report artificial rice shortages in the market, and urged consumers to report suspected hoarding of rice or poor-quality rice to the ministry's branches.

Reports should include details such as the brand of rice, location, and observations about rice quality.

He highlighted the importance of collaboration with the Agriculture and Food Security Ministry to regulate the rice industry comprehensively.

To strengthen enforcement, Armizan said the Domestic Trade and Cost of Living Ministry collaborates with the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) for DNA tracking, while it works with the Chemistry Department to improve standard operating procedures for enforcement, evidence handling, and prosecution.

Meanwhile, Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali Mydin said retailers will bear the financial losses when there is a rice infestation as suppliers refuse to accept returns.

"If we overstock rice and store it in a warm place, bugs will develop," he said, advising consumers to always wash their rice before cooking.

Consumer Ariani Abdullah, 43, from Subang Jaya, Selangor, said she will check the bags of rice at the shops for holes before buying them.

"If small holes are evident, then it means that insects or weevils may have crawled in.

"Wholesalers keep many bags of rice in their warehouses and the rice might have been there for months before they reached the shops," she said.

Ariani said there were times when even a week-old bag of rice had weevils in it.

Jamaliah Budin, 55, from Taman Medan here, said that she does not buy much rice to keep.

"During the fasting month, we will get lots of donated rice.

"Sometimes, they end up in the bin due to weevils.

"Last year, my neighbours and I received 30kg of rice each from donors. But we ended up throwing half of it out as our flats are humid and we don't know if the rice came with weevil eggs.

"We don't have space in our low-cost flats to sun the rice to get rid of the eggs," she said.

Jamaliah hoped that those who want to give donations to B40 groups would donate cash so that they can use it to buy rice.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 17

# KPDN tumpaskan aktiviti seleweng minyak masak

## Seorang warga tempatan, lima pekerja asing ditahan dalam serbuan di stor haram

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam serbuan terhadap sebuah premis di Taman Semenyih Jaya dekat Semenyih kelmarin.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam, berkata serbuan itu dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa Putrajaya, kira-kira jam 4 petang selepas membuat risikan selama tiga bulan.

"Pemeriksaan awal terhadap lokasi serbuan, mendapati premis itu menjalankan aktiviti pembinaan, namun dijadikan stor haram untuk aktiviti pemindahan minyak masak bersubsidi.

"Pemeriksaan lanjut mendapati premis itu dijadikan tempat memotong bungkusan minyak masak paket bersubsidi satu kilogram sebelum dipindahkan ke dalam tangki jenis *intermediate bulk container* (IBC) dipercayai untuk dijual semula kepada pihak industri," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Azman berkata, dalam operasi terbabit, pasukan penguat kuasa menemukan empat tangki IBC yang mengandungi minyak masak, kotak serta plastik minyak masak paket yang sudah dipotong.

"Kesemua minyak masak sebanyak 4,168 kilogram (kg) dan beberapa peralatan digunakan kegiatan itu disita untuk tujuan siasatan lanjut dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM40,000.

"Pasukan penguat kuasa turut menahan enam lelaki terdiri seorang warga tempatan dan lima pekerja asing berumur lingkungan 30-an untuk membantu siasatan.

"Siasatan sedang dijalankan mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) iaitu memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan," katanya.

Katanya, mana-mana pihak yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta 122 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi individu.

"Namun, bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

"Sementara bagi kesalahan yang dilakukan syarikat, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2 juta, manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM5 juta," katanya.



Azman Adam

### Siasat syarikat

Selain itu, katanya, syarikat terbabit juga akan disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 20010) [Akta 613].

"Ia membabitkan kesalahan pengubahan wang haram bagi mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat pelucuthak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram berkaitan penyelewengan minyak masak.

"Jika disabitkan dengan kesalahan mengikut Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta yang mana yang lebih tinggi," katanya.

Azman menegaskan, KPDN akan terus mempergiatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menyeleweng barang kawalan bersubsidi sepatutnya dinikmati oleh rakyat.

"Ini kerana berdasarkan statistik penguatkuasaan di bawah pelaksanaan OPS TIRIS 3.0 bagi tempoh 1 Januari hingga 28 Februari lalu bagi komoditi minyak masak, sebanyak 94 kes dihasilkan di seluruh negara dan daripada jumlah itu, sebanyak 104,447kg minyak masak bernilai RM109,000 dirampas.

"Tindakan ini adalah sebahagian daripada inisiatif KITA GEMPUR yang dilancarkan pada 19 Oktober 2024 lalu dalam menangani isu manipulasi dalam aktiviti perniagaan dan ketirisan yang membabitkan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi.

Justeru, orang ramai mempunyai maklumat berkaitan aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi disarankan menyalurkan aduan yang lengkap melalui saluran WhatsApp 019-848 8000, Portal e-Aduan KPDN iaitu http://eaduan.kpdn.gov.my; Call Centre 1-800-886-800 dan Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 2

# Stor haram kerja haram

## *Penahanan 6 lelaki bongkar seleweng 4.1 tan minyak masak bersubsidi*

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

**Kajang**

Penahanan enam lelaki membabitkan seorang warga tempatan dan lima warga asing berusia 30-an membawa kepada rampasan lebih 4.1 tan minyak masak bersubsidi diseleweng bernilai RM40,000 pada serbuan di sebuah premis di Taman Semenyih Jaya, Semenyih, di sini, 6 Mac lalu.

Rampasan dijalankan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Putrajaya hasil risikan selama tiga bulan.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata, enam suspek yang ditahan adalah pekerja di premis terbabit manakala premis itu dijadikan stor haram untuk menjalankan aktiviti pemindahan minyak masak terbabit.

"Pemeriksaan mendapati, premis itu dijadikan pusat untuk memotong bungkusan minyak masak peket bersubsidi 1 kilogram (kg) sebelum dipindahkan ke tangki *intermediate bulk container*' (IBC) sebelum dijual semula kepada pihak industri.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] iaitu memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan," katanya.

Menurut beliau, syarikat terbabit juga akan disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 20010) [Akta 613].

"Berdasarkan statistik penguatkuasaan di bawah pelaksanaan Ops Tiris 3.0 bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 28 Februari 2025, bagi komoditi minyak masak, sebanyak 94 kes dihasilkan di seluruh negara dan daripada jumlah itu, lebih 104 tan minyak masak bernilai RM109,000 dirampas," katanya.



MINYAK masak peket dipercayai dibuka dan diisi dalam tangki IBC sebelum dijual kepada industri.



SEBAHAGIAN stok minyak masak peket di premis berkenaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 16

# 4 tan minyak diseleweng

- KPDN turut tahan 15 suspek termasuk warga Indonesia
- Gunting peket dan tuang ke dalam lori tangki untuk dijual

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**KLANG** – Kegiatan licik satu sindiket menyeleweng empat tan minyak masak peket subsidi setiap hari sejak setahun lalu terbongkar apabila markas mereka di Kapar diserbu kelmarin.

Serbuan dilakukan Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor kira-kira pukul 4 petang dan berjaya merampas sebanyak 6.9 tan minyak masak peket, peralatan pemindahan dan empat buat lori.

Selain itu, turut dirampas 2,606 kilogram (kg) tong gas LPG dengan nilai keseluruhan rampasan mencecah RM200,000.

Pengarah KPDN Selangor, Mohd. Zuhairi Mat Radey berkata, semasa serbuan pihaknya turut menahan 15 suspek lelaki termasuk 10 daripadanya adalah warga Indonesia berusia 20 hingga 30an.

Katanya, modus operandi sindiket adalah dengan memperoleh minyak masak peket daripada pelbagai pembekal di sekitar Lembah Klang.

"Sindiket kemudiannya menggunting minyak masak itu dan mengisinya dalam lori tangki yang kebiasaannya digunakan bagi pengangkutan minyak diesel.

"Sehari mereka boleh seleweng 4,000 kg atau 4 tan yang kemudiannya dijual di pasaran gelap," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian semalam.

Jelas beliau, pihaknya sedang mengenal pasti rantaian sindiket ini dengan dipercayai dalangnya merupakan warga tempatan untuk pasaran gelap.



MOHD. ZUHAIRI (dua kiri) menunjukkan lambakan plastik minyak masak peket yang telah dipotong di kawasan stor haram di Kapar, Klang semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 13

# KPDN Selangor serbu stor haram, rampas minyak masak peket tong LPG di Kapar

**KAPAR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor menumpaskan aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak peket satu kilogram (kg) dengan nilai rampasan keseluruhan RM200,000 menerusi serbuan di sebuah premis di Jalan Syapadu, Rantau Panjang, dekat sini, Isnin lepas.

Pengarah KPDN Selangor Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, serbuan sekitar 4 petang itu dilakukan dengan kerjasama polis kontinjen Selangor berdasarkan hasil maklumat serta risikan selama sebulan terhadap premis berkenaan.

Beliau berkata pihaknya turut menahan lima warga tempatan dan 10 warga Indonesia, masing-masing berusia lingkungan 20 hingga 30-an dipercayai pekerja premis tersebut.

"Pasukan serbuan telah menemukan lambakan kotak mengandungi minyak masak peket dan (timbunan bungkusan) peket plastik minyak masak yang telah dipotong.

"Sebanyak 6,910 tan minyak masak dengan anggaran nilai sebanyak RM18,000, 2,606 tan LPG dianggarkan bernilai RM35,000, pelbagai peralatan serta empat lori dirampas," katanya pada sidang media di premis tersebut di sini semalam.



**MINYAK MASAK:** Sebahagian plastik minyak masak paket yang dirampas dalam inisiatif Kita Gempur oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Selangor semasa sidang media berkaitan penyelewengan dua jenis barang subsidi yang bernilai RM200,000 di sebuah stor haram di Jalan Shapadu, Kapar semalam. — Gambar Bernama

Mohd Zuhairi berkata, siasatan mendapati premis yang dijadikan stor haram itu merupakan tempat untuk memotong bungkusan minyak masak peket bersubsidi sebelum dipindahkan ke lori tangki untuk dijual semula kepada pihak industri.

Beliau berkata, pihaknya percaya kira-kira 4,000 peket diseleweng setiap hari dengan sumber bekalan barangan terkawal tersebut dipercayai diperoleh sekitar Lembah Klang.

"Kita akan siasat dalang kegiatan ini, dipercayai merupakan seorang lelaki tempatan selain tindakan lanjut ke atas premis pembekal minyak masak peket.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 selain Akta Pencegahan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATF-PUAA) 2001," katanya.

Mohd Zuhairi berkata, pihaknya akan terus mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan menyeleweng barang kawalan bersubsidi. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 13/3/2025

M/SURAT: 13

# KPDN tahan enam termasuk lima warga asing seleweng minyak masak bersubsidi

**PUTRAJAYA:** Enam lelaki, termasuk lima warga asing berusia 30-an ditahan kerana disyaki terlibat aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi di Taman Semenyih Jaya, Semenyih, Selangor kelmarin.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam berkata serbuan pada 4 petang itu, mendapati premis itu menjalankan aktiviti pembinaan dan dijadikan stor bagi memindahkan minyak masak bersubsidi.

"Premis itu dijadikan tempat bagi memotong bungkusan minyak masak peket bersubsidi satu kilogram (kg) sebelum dipindahkan ke tangki jenis intermediate bulk container (IBC), dipercayai untuk dijual semula kepada pihak industri," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Azman berkata, serbuan turut merampas empat unit tangki IBC mengandungi 4,168kg minyak masak, kotak, plastik minyak masak peket yang telah dipotong dan peralatan digunakan bagi aktiviti itu, dianggarkan bernilai RM40,000.

Serbuan berkenaan dilakukan hasil risikan tiga bulan, dan siasatan terhadap individu yang ditahan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan. Sementara itu, syarikat yang terlibat sedang disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

"KPDN menegaskan akan terus mempergiatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menyeleweng barang kawalan bersubsidi yang sepatutnya dinikmati rakyat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Azman memaklumkan statistik KPDN menunjukkan sebanyak 94 kes berkaitan minyak masak dikesan di seluruh negara melibatkan rampasan 104,447 kg minyak masak bernilai RM109,000 menerusi pelaksanaan OPS TIRIS 3.0 setakat 28 Februari.

"Tindakan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif KITA GEMPUR, dilancarkan pada 19 Oktober 2024 bagi menangani isu manipulasi dalam aktiviti perniagaan dan ketirisan melibatkan barang kawalan serta barang kawalan bersubsidi.

Beliau turut menyeru orang ramai menyalurkan aduan berkaitan aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi menerusi WhatsApp di 019-848 8000, portal e-Aduan KPDN, pusat panggilan KPDN 1-800-886-800 dan aplikasi Ez ADU KPDN. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



MOHD Zuhairi (depan berkaca mata gelap) melihat lokasi serbuan dilakukan pihaknya di Rantau Panjang, Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

**SINDIKET SELEWENG MINYAK MASAK, LPG TUMPAS**

# Potong peket masuk tangki

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

**Klang**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menumpaskan cubaan penyelewengan minyak masak peket dan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi termasuk merampas dua lori dianggarkan keseluruhannya bernilai RM200,000 menerusi serbuan di sebuah stor haram di Jalan Syapadu, Rantau Panjang, dekat sini, Isnin lalu.

Pengarah KPDN Selangor Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, serbuan bermula jam 4 petang itu dilaksanakan selepas risikan selama sebulan terhadap kegiatan sindiket penyelewengan terbabit.

"Hasil pemeriksaan awal ke atas lokasi serbuan mendapati premis ini dijadikan stor haram untuk menjalankan aktiviti pemindahan minyak masak bersubsidi dengan memotong bungkusan minyak dan dimasukkan dalam lori tangki sebelum dijual semula kepada pihak industri.

> **"Pasukan serbuan turut menemui lambakan kotak yang mengandungi minyak masak jenis peket dan lambakan peket plastik yang sudah dipotong. semua minyak masak sebanyak 6,910kg itu dianggarkan bernilai RM18,000"**
>
> *Mohd Zuhairi*

"Pasukan serbuan turut menemui lambakan kotak yang mengandungi minyak masak jenis peket dan lambakan peket plastik yang sudah dipotong. Semua minyak masak sebanyak 6,910 kilogram (kg) itu dianggarkan bernilai RM18,000," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, dalam operasi berkenaan, pasukan serbuan turut menemukan aktiviti pemindahan LPG bersubsidi yang digunakan untuk isi rumah dalam tong LPG berkapasiti 50kg bagi kegunaan industri.

"Sebanyak 341 tong LPG disita melibatkan jumlah rampasan dianggarkan sebanyak 2,606kg bernilai RM35,000.

"Nilai rampasan keseluruhan bagi dua barangan bersubsidi berkenaan serta pelbagai sitaan termasuk empat lori dianggarkan mencecah RM200,000," katanya.

Mohd Zuhairy berkata, dalam serbuan itu, 15 lelaki termasuk 10 warga asing berusia 30-an dipercayai pekerja stor berkenaan ditahan.

Katanya, KPDN percaya stor berkenaan aktif beroperasi sejak setahun lalu dan pihaknya kini giat mengesan dalang yang juga seorang lelaki tempatan untuk tindakan lanjut.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) iaitu memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613)," katanya.

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 3

Siasatan awal mendapati ... jenama disyaki rokok seludup. ... Eksais 1976. — Bernama

# KPDN Selangor serbu stor haram, rampas minyak masak peket tong LPG di Kapar

**KAPAR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor menumpaskan aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak peket satu kilogram (kg) dengan nilai rampasan keseluruhan RM200,000 menerusi serbuan di sebuah premis di Jalan Syapadu, Rantau Panjang, dekat sini, Isnin lepas.



**MINYAK MASAK: Sebahagian plastik minyak masak paket yang dirampas dalam inisiatif Kita Gempur oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Selangor semasa sidang media berkaitan penyelewengan dua jenis barang subsidi yang bernilai RM200,000 di sebuah stor haram di Jalan Shapadu, Kapar semalam.** — Gambar Bernama

Pengarah KPDN Selangor Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, serbuan sekitar 4 petang itu dilakukan dengan kerjasama polis kontinjen Selangor berdasarkan hasil maklumat serta risikan selama sebulan terhadap premis berkenaan.

Beliau berkata pihaknya turut menahan lima warga tempatan dan 10 warga Indonesia, masing-masing berusia lingkungan 20 hingga 30-an dipercayai pekerja premis tersebut.

"Pasukan serbuan telah menemukan lambakan kotak mengandungi minyak masak peket dan (timbunan bungkusan) peket plastik minyak masak yang telah dipotong.

"Sebanyak 6,910 tan minyak masak dengan anggaran nilai sebanyak RM18,000, 2,606 tan LPG dianggarkan bernilai RM35,000, pelbagai peralatan serta empat lori dirampas," katanya pada sidang media di premis tersebut di sini semalam.

Mohd Zuhairi berkata, siasatan mendapati premis yang dijadikan stor haram itu merupakan tempat untuk memotong bungkusan minyak masak peket bersubsidi sebelum dipindahkan ke lori tangki untuk dijual semula kepada pihak industri.

Beliau berkata, pihaknya percaya kira-kira 4,000 peket diseleweng setiap hari dengan sumber bekalan barangan terkawal tersebut dipercayai diperoleh sekitar Lembah Klang.

"Kita akan siasat dalang kegiatan ini, dipercayai merupakan seorang lelaki tempatan selain tindakan lanjut ke atas premis pembekal minyak masak peket.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 selain Akta Pencegahan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATF-PUAA) 2001," katanya.

Mohd Zuhairi berkata, pihaknya akan terus mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan menyeleweng barang kawalan bersubsidi. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 3

# KPDN tahan enam termasuk lima warga asing seleweng minyak masak bersubsidi

**PUTRAJAYA:** Enam lelaki, termasuk lima warga asing berusia 30-an ditahan kerana disyaki terlibat aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi di Taman Semenyih Jaya, Semenyih, Selangor kelmarin.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam berkata serbuan pada 4 petang itu, mendapati premis itu menjalankan aktiviti pembinaan dan dijadikan stor bagi memindahkan minyak masak bersubsidi.

"Premis itu dijadikan tempat bagi memotong bungkusan minyak masak peket bersubsidi satu kilogram (kg) sebelum dipindahkan ke tangki jenis intermediate bulk container (IBC), dipercayai untuk dijual semula kepada pihak industri," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Azman berkata, serbuan turut merampas empat unit tangki IBC mengandungi 4,168kg minyak masak, kotak, plastik minyak masak peket yang telah dipotong dan peralatan digunakan bagi aktiviti itu, dianggarkan bernilai RM40,000.

Serbuan berkenaan dilakukan hasil risikan tiga bulan, dan siasatan terhadap individu yang ditahan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan. Sementara itu, syarikat yang terlibat sedang disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

"KPDN menegaskan akan terus mempergiatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menyeleweng barang kawalan bersubsidi yang sepatutnya dinikmati rakyat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Azman memaklumkan statistik KPDN menunjukkan sebanyak 94 kes berkaitan minyak masak dikesan di seluruh negara melibatkan rampasan 104,447 kg minyak masak bernilai RM109,000 menerusi pelaksanaan OPS TIRIS 3.0 setakat 28 Februari.

"Tindakan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif KITA GEMPUR, dilancarkan pada 19 Oktober 2024 bagi menangani isu manipulasi dalam aktiviti perniagaan dan ketirisan melibatkan barang kawalan serta barang kawalan bersubsidi.

Beliau turut menyeru orang ramai menyalurkan aduan berkaitan aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi menerusi WhatsApp di 019-8488000, portal e-Aduan KPDN, pusat panggilan KPDN 1-800-886-800 dan aplikasi Ez ADU KPDN. — Bernama

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 17

# Stor haram di Klang kena serbu

**Klang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor menumpaskan cubaan penyelewengan minyak masak paket dan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi dianggarkan bernilai RM200,000 selepas menyerbu sebuah stor haram di Jalan Syapadu, Rantau Panjang, dekat sini, Isnin lalu.

Pengarah KPDN Selangor, Mohd Zuhairi Mat Radey, berkata serbuan bermula jam 4 petang itu hasil risikan selama sebulan.

"Hasil pemeriksaan awal ke atas lokasi serbuan mendapati premis itu dijadikan stor haram untuk aktiviti pemindahan minyak masak bersubsidi dengan memotong bungkusan minyak dan dimasukkan dalam lori tangki sebelum dijual semula kepada pihak industri.

"Pasukan serbuan turut menemui lambakan kotak mengandungi minyak masak paket dan paket plastik yang dipotong. Semua minyak masak sebanyak 6,910 kilogram dianggarkan bernilai RM18,000," katanya pada sidang media di lokasi, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Zuhairi berkata, dalam operasi berkenaan, pasukan serbuan juga mengesan aktiviti pemindahan LPG bersubsidi yang digunakan untuk isi rumah ke dalam tong LPG berkapasiti 50 kilogram bagi kegunaan industri.

"Sebanyak 341 tong LPG disita membabitkan jumlah rampasan dianggarkan 2,606 kilogram bernilai RM35,000.

"Nilai rampasan keseluruhan bagi dua barangan bersubsidi itu dan pelbagai sitaan termasuk empat lori dianggarkan mencecah RM200,000," katanya.

Mohd Zuhairy berkata, dalam serbuan itu, 15 lelaki termasuk 10 warga asing berusia lingkungan 30-an dipercayai pekerja stor berkenaan ditahan untuk siasatan lanjut.



*Mohd Zuhairi (kiri) melihat lambakan plastik minyak masak paket yang sudah dipotong ketika operasi aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi di sebuah premis sekitar Rantau Panjang, Klang.*

(Foto Faiz Anuar/BH)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 17

# Sindiket pindah LPG bersubsidi tumpas

**Johor Bahru:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menumpaskan kegiatan penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) selepas menyerbu stor di Ulu Tiram.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo, berkata sindiket dipercayai menjalankan aktiviti 'decanting' dengan memindahkan LPG bersubsidi daripada tong 14 kilogram (kg) ke dalam lori tangki untuk tujuan penjualan haram.

Beliau berkata, dalam serbuan kelmarin, pihak menemui 1,743 unit tong gas LPG berisi dan kosong berkapasiti 14kg, selain sebuah lori tangki mengandungi kira-kira 24,724kg LPG.

"Kita juga menemui beberapa peralatan dipercayai digunakan dalam aktiviti penyelewengan. Semua barangan ditemui ini dirampas dan disita dengan jumlah keseluruhan RM860,000," katanya menerusi kenyataan, semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



6 名男子包括 5 名外籍人士涉嫌非法售卖补贴食用油，于 2025 年 3 月 11 日在士毛月再也花园遭国内贸易及生活成本部官员逮捕。



国内贸易及生活成本部于 2025 年 3 月 11 日取缔士毛月一间非法转运和包装补贴食用油场所时，起获大批食用油和纸箱。（图 / KPDN 提供）

## 6 男非法售卖补贴食用油落网

# 内贸部充公 4168 公斤包装油

（布城 12 日讯）6 名男子包括 5 名外籍人士涉嫌非法售卖补贴食用油，一举遭国内贸易及生活成本部（KPDN）官员逮捕！

国内贸易及生活成本部执法总监拿督阿兹曼阿当今日在文告说，这批男子现年 30 余岁，于 3 月 11 日在雪州的士毛月再也花园落网。“经过 3 个月的情报搜集，官员于昨日下午 4 时取缔士毛月再也花园一间场所，当场逮捕这群男子。调查发现，该场所除了用于建筑施工，也充当仓库储存和转运补贴食用油。”

“他们在场所内拆开这批每包 1 公斤的补贴食用油，再倒入中型散装容器 (IBC)。我们相信这批食用油将转售给工业用户。”

阿兹曼阿当说，官员现场充公 4 个中型散装容器，装载的总油量高达 4168 公斤、已分拆的食用油塑料包、纸箱以及其他工具，总值 4 万令吉，已分拆开的箱子和开封的塑料包装油，以及其他相关工具，总值 4 万令吉。

他补充，国内贸易及生活成本部已援引 1961 年供应控制法令第 21 条文（非法持有受管制物品并意图犯罪）调查涉案男子。“我们则援引 2001 年反洗黑钱、反恐怖主义融资及非法活动收益法令调查涉案公司。”

阿兹曼阿当强调，国内贸易及生活成本部会持续加强监督和执法力度，确保没有人滥用政府提供的补贴物品，这些物资本应让有需要的人民受惠。

另一方面，阿兹曼阿当透露，截至 2 月 28 日，纰漏行动 3.0（Op Tiris 3.0）已在全国侦破 94 宗涉及食用油的案件，充公了 10 万 4447 公斤补贴食用油，市价 10 万 9000 令吉。

他说，这是“反操纵与泄密”（Kita Gempur）倡议的其中一项努力，该倡议于 2024 年 10 月 19 日推介，旨在打击市场操控和滥用受补贴物资的问题。

“若民众发现任何滥用受管控物品活动，可联系 019-848 8000、浏览部门的投诉网站、致电呼叫中心 1-800-886-800 或通过 Ez ADU KPDN 应用程式，举报这些非法举动。”

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 10

# 'Essential goods supply stable in Labuan ahead of Aidilfitri'

**LABUAN:** The supply of essential goods in Labuan remains stable despite increased demand ahead of the upcoming Aidilfitri celebrations, says Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Labuan director Junaidah Arbain.

She assured the public that controlled items such as sugar, cooking oil, and flour were available in sufficient quantities and that weekly reports submitted by wholesalers had consistently indicated steady stock levels and effective distribution channels.

"Our enforcement officers conduct regular inspections at supermarkets and hypermarkets to ensure the availability of these essential items.

"We made inspections at Bataras Hypermarket, sugar wholesaler Saza Rice, and Family Mart to verify stock levels...inspections confirmed that supplies remain adequate, alleviating concerns over potential shortages during the festive season," she told reporters after an inspection of the Bataras Hypermarket here yesterday.

Meanwhile, Junaidah urged the public to remain calm and refrain from panic buying, assuring that the ministry was closely monitoring the situation.

She also reminded retailers and sundry shop operators to comply with regulations and avoid hoarding essential goods as such actions could disrupt market stability.

"The ministry will continue its enforcement efforts to prevent price manipulation and ensure fair access to essential goods for all consumers.

"Any incidents of hoarding or unethical pricing can be reported to the KPDN for immediate action," she said. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 1

# Bekalan barangan keperluan di Labuan stabil

LABUAN: Bekalan barangan keperluan di Labuan kekal stabil walaupun permintaan meningkat menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Labuan Junaidah Arbain memberi jaminan kepada orang ramai bahawa barangan kawalan seperti gula, minyak masak dan tepung boleh didapati dalam kuantiti mencukupi.

Beliau berkata laporan mingguan dihantar pemborong secara konsisten menunjukkan tahap stok yang stabil dan saluran pengedaran berkesan.

"Pegawai penguat kuasa kami mengadakan pemeriksaan berkala di pasar raya dan pasar raya besar untuk memastikan ketersediaan barangan keperluan ini. Kami membuat pemeriksaan seperti di Bataras Hypermarket dan pemborong gula Saza Rice untuk memastikan bekalan stok.

"Pemeriksaan mengesahkan bahawa bekalan kekal mencukupi, sekali gus mengurangkan kebimbangan terhadap kemungkinan kekurangan stok semasa musim perayaan," katanya kepada pemberita selepas melakukan pemantauan di Bataras Hypermarket di sini semalam.

Junaidah menggesa masyarakat untuk kekal tenang dan mengelak daripada melakukan pembelian panik, serta menambah kementerian memantau situasi tersebut dengan teliti.

Beliau juga mengingatkan peruncit dan pengusaha kedai runcit untuk mematuhi peraturan dan mengelak daripada menyorok barangan keperluan kerana tindakan itu boleh mengganggu kestabilan pasaran.

"Kementerian akan meneruskan usaha penguatkuasaan bagi mencegah manipulasi harga dan memastikan akses adil kepada barangan keperluan untuk semua pengguna. Sebarang insiden menyorok atau penetapan harga tidak beretika boleh dilaporkan kepada KPDN untuk tindakan segera," katanya.

— Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 13/3/2025
M/SURAT: 1



Matthew joins a trader in frying keropok lekor at the bazaar, as Peter (right) and others look on. – Photo by Chimon Upon

# Ops Pantau: 1,139 premises including Ramadan bazaars checked, four traders fined

**Aileen Yap**

**KUCHING:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Sarawak has taken action against four traders during Ops Pantau 2025 inspections conducted at 1,139 business premises across the state from March 2 to 7.

